

16 OCT 2001

Hadi-Islam

MEMORANDUM NEGARA ISLAM DARIPADA PAS KEPADA DR MAHATHIR

DUNGUN, 16 Okt (Bernama) -- Pas akan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menjelaskan ciri-ciri negara Islam mengikut tafsiran parti itu.

Timbalan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, memorandum ciri-ciri negara Islam berlandaskan al-Quran dan sunnah akan disiapkan dalam tempoh terdekat oleh golongan profesional dan tokoh akademik.

"Satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Presiden Pas Datuk Fadzil Noor sudah dibentuk untuk tujuan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan pejabat Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd di Bandar Al Muktafibilillah Shah dekat sini,

Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, jawatankuasa itu sudah mengadakan perbincangan bagi membolehkan memorandum disiapkan seberapa segera untuk diserahkan kepada Perdana Menteri.

Bagaimanapun Abdul Hadi dan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang juga Menteri Besar Kelantan, tidak menganggotai jawatankuasa berkenaan.

Abdul Hadi berkata antara kandungan memorandum itu ialah ciri-ciri mutlak iaitu mengekalkan pemimpin Islam sebagai pemimpin negara dan hukum tertinggi dalam negara tidak boleh mengatasi al-Quran dan sunnah.

"Dasar umum adalah mengikut perkembangan semasa termasuk yang berkait dengan pentadbiran," katanya.

Mengenai pergolakan di Afghanistan, Abdul Hadi berkata rakyat Malaysia boleh berjihad tanpa pergi ke negara itu dengan berdoa dan memberi bantuan kemanusiaan.

-- BERNAMA

MRA MAI